

## BAB V

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.1. Pengenalan

Pada bab akhir ini, penulis akan memberikan kesimpulan dari hasil kajian yang dijalankan. Seterusnya akan disampaikan pula beberapa cadangan yang diharapkan boleh menjadi penambahbaikan lagi pengajian-pengajian semisalnya pada masa yang akan datang.

#### 5.2. Kesimpulan

Tradisi menuntut ilmu dari satu tempat ke tempat yang lain, dari satu guru ke guru yang lain, sangat baik untuk diteruskan. Tidak boleh berpatah arang dalam menempuhi jalan mendapatkan ilmu yang diridhai Allah Swat. Ini sudah menjadi satu tradisi ulama (para *muhaddithin*) terdahulu. Setelah mendapatkan ilmu, maka sebaiknya langkah yang seterusnya adalah mengamalkan ilmu serta menyebarkannya melalui pengajaran dan penulisan. Bagi seorang sarjana yang faham akan erti kewajipan mengajar/menyebarkan ilmu, semestinya lebih bijak dalam mencari kesempatan dan peluang bagi berkembangnya ilmu tersebut serta dapat dimanfaatkan untuk masyarakat. Tidak perlu menunggu-nunggu adanya institusi yang formal dan kukuh serta menyokong penuh dalam usaha menyampaikan ilmu ini. Dengan segala keterbatasan yang ada, tradisi penyampaian ilmu mesti tetap dilakukan dan Allahlah yang akan menjadi penolong dan pembela. Inilah yang dicontohkan oleh Shaykh Ali Hasan dalam memartabatkan pendidikan islam khasnya dalam pengajian hadith.

Shaykh Ali Hasan dikaruniakan Allah s.w.t. satu keistimewaan dalam semangat perjuangannya. Ini dibuktikan dengan banyaknya usaha pembaharuan yang dihasilkannya dalam membangun masyarakat. Pengabdianya kepada umat tidak kenal henti dan tanpa mengharap balas jasa. Segala yang dapat memartabatkan umat Islam beliau tempuhi dan tanpa kenal putus asa.

Sumbangan Shaykh Ali Hasan terserlah dalam pembinaan institusi pengajian Islam yang mana Hadith menjadi salah satu teras akademiknya. Banyak institut pengajian Islam yang sudah diasaskan beliau sama ada pengajian peringkat rendah dan menengah mahupun peringkat pengajian tinggi dan masih dirasakan manfaatnya sehingga kini. Penulisan karya dan penerbitan adalah satu lagi sumbangan yang sangat penting yang telah diberikan. Diantara karya yang banyak dihasilkan adalah dalam bidang Hadith.

Shaykh Ali Hasan merupakan salah seorang tokoh yang patut mendapatkan penghargaan dalam usahanya memartabatkan Hadith di Indonesia. Kontribusi nyata sudahpun disumbangkan dalam bidang kajian ini, sama ada menerusi pembinaan institusi mahupun penulisan karya. Menerusi karya-karya yang dijumpai, dapat dirasakan betapa penulisnya bertungkus lumus dalam menyediakan kemudahan dalam mempelajari Hadith yang dirasakan masih sangat langka pada masa itu.

Karya-karya Shaykh Ali Hasan ditulis dalam tiga bahasa, iaitu Arab, Jawi dan Bahasa Indonesia. Karya-karyanya yang kecil adalah disebabkan keterbatasan yang ada selain menyesuaikan dengan keperluan semasa. Banyaknya karya yang dihasilkan menunjukkan bahawa beliau memiliki autoriti dalam bidang berkenaan, ditambah lagi gelar akademiknya yang tertinggi adalah di bidang Hadith.

Diantara usaha yang patut dicontohi dari beliau adalah menghidupkan halaqah (pengajian) hadith sebagai tradisi menghidupkan sunnah Rasulullah s.a.w.. Seterusnya, halaqah-halaqah kecil ini diharapkan menjadi besar sehingga dapat menjadi satu institusi yang berautoriti dan bermartabat. Ini merupakan usaha dalam melestarikan pengajian dan menghidupkan pengajian hadith.

Menerusi karya-karya yang dihasilkan pula, dapat diambil kesimpulan bahawa SAHAA mengutamakan pendekatan fikah dalam metodologi penulisannya. Sangat wajar apabila beliau diberikan gelar sebagai *al-Muḥaddith al-Faqīh* pada zamannya. Manakala kepakarannya dalam meriwayatkan hadith bersanad tidak dapat penulis jumpai menerusi kajian ini. Sebab tidak satupun karyanya yang menunjukkan kehebatannya dalam bidang ini. Tentu saja kepakaran ini tidak dapat dinafikan dari beliau. Justeru pada bahagian akhir buku yang bertajuk *Ilmu Hadis Praktis*, beliau ada menyenaraikan jalur sanad hadith yang beliau terima dari gurunya yang mana mereka adalah para ulama hadith hebat pada masa itu seperti Ḥassan Mashshāṭ dan ‘Umar Ḥamdān al-Maḥrasī. Penulis melihat ini disebabkan keputusan beliau yang menumpukan kajiannya berdasarkan kepentingan semasa. *Wallahu A’lam*.

### **5.3. Cadangan**

Pada masa ini, pengajian hadith masih sangat memerlukan para sarjana pengajian islam, untuk mengambil berat pengajian berkenaan. Langkah ini adalah untuk menghindari kelangkaan para pakar di bidang hadith dan ilmu hadith. Lebih penting lagi, ianya sebagai pemangkin umat Islam yang akan menyongsong kejayaannya dan kegemilangannya di masa hadapan. Sebab kejayaan umat tidak akan mungkin tercapai dengan meninggalkan bahagian teras yang sangat penting, iaitu pengajian hadith dan ilmu-ilmunya.

Perlu penumpuan institusi hadith yang dikelola pihak kerajaan atau swasta demi lebih memartabatkan lagi pengajian hadith di masa hadapan. Dalam menyokong dan pencapaian cita-cita mulia di atas, peranan pemerintah (kerajaan) sangat diperlukan. Sebagai negara dengan majoriti umat islam, selayaknya pengajian hadith mendapat tumpuan yang lebih utama. Bagaimanapun, satu istituti yang kokoh, mesti dan seharusnya mendapat sokongan yang padu dan kuat pula. Samaada dari sudut pendanaan, perizinan, serta memasyarakatkan hadith. Sehingga kerajaan bersama-sama masyarakat dapat bergerak bersama dalam memartabatkan pengajian ini yang diyakini dapat menjadi pemangkin kemajuan umat islam, di suatu negara, kawasan, justeru kebangkitan umat Islam di seluruh dunia.

Terdapatnya beberapa nama ulama hadith di Nusantara yang mana keilmuannya sudahpun bertaraf antarabangsa, merupakan suatu yang membanggakan. Para generasi penerus, tidak sepatutnya hanya duduk mengenang dan bernostalgia dengan apa yang sudah dicapai para pendahulunya. Sangat diharapkan adanya generasi penerus yang mewarisi ilmu yang dimiliki oleh seorang tokoh hadith. Penjagaan hasil karya juga sangat perlu diambil kira secara cermat, sehingga mata rantai keilmuan tidak terkubur bersama kewafatan seseorang tokoh dalam bidang tertentu. Usaha-usaha yang telah dilakukan pada masah dahulu, sebaiknya menjadi penyemangat bagi generasi baru untuk meningkatkan usaha dalam menyumbangkan karya yang berguna untuk generasi seterusnya.

Pada bidang penulisan dan penelitian pula, diharapkan para sarjana untuk lebih tekun dan bermujahadah dalam mendalami hadith dan ilmu hadith. Seterusnya pendalaman itu, mesti pula dikembangkan dengan kajian-kajian dan penelitian yang berkualiti. Dengan demikian akan banyak pula dijumpai karya-karya dari hasil penulisan dan penelitian yang terus berkembang demi untuk menjawab cabaran zaman di masa yang akan datang.

Penelitian mengenai tokoh perlu diberi tumpuan. Ini untuk merungkai betapa besar sumbangannya dan diharapkan generasi akan datang dapat mengenali dan menghargai jasa yang sudah ditabur. Pemeliharaan karya-karya, khasnya yang berisi ilmu sebaiknya mendapat perhatian yang khusus. Sebab, banyak sekali karya-karya berharga yang hilang dan gagal di kesan disebabkan kecuaiian dalam menjaganya. Begitu pula yang terjadi dengan para tokoh-tokoh yang sudahpun menabur bakti, hilang dan lenyap bersama karya-karyanya.

Kecanggihan teknologi pada masa ini, sebaiknya menjadi alasan utama bagi ualama dan para peneliti untuk menyemarakkan hadith sehingga konten dan isi ajarannya dapat dengan mudah *dihidangkan* kepada masyarakat awam. Hadith dan ilmu hadith, yang dianggap agak sukar dipelajari, sudah tidak lagi hanya menjadi perbahasan kalangan elit intelektual/ulama sahaja. Justeru ianya sudah menjadi satu kesatuan pada setiap individu dalam masyarakat kita. Sehingga pada akhirnya pengamalan hadith/sunnah akan menjadi sehati dalam kehidupan kita dan menjadi tradisi yang sudah melekat pada setiap individu dalam masyarakat.

Perjuangan yang telah diasaskan oleh Shaykh Ali Hasan dalam memartabatkan pengajian hadith, selayaknya dapat diteruskan oleh generasi yang akan datang. Sehingga apa yang telah dihasilkan dapat dipertingkatkan lagi dan apa yang kurang dapat diperbaiki. Pada tahap penguatan dan pengokohan institusi hadith pada masa ini, sangat banyak usaha-usaha yang sudah dilakukan dalam memartabatkan serta merencanakan pengajian ini. Di beberapa tempat di seluruh negara, sudah ada beberapa institusi hadith yang sangat memberangsangkan. Selain ianya diasuh dan dikelola oleh para pakar, ianya juga mendapat kemudahan-kemudahan yang bersumber dari sumbangan pehak-pehak yang tulus ikhlas dalam meneruskan usaha yang mulia ini. Usaha-usaha seperti ini sebaiknya diteruskan dan dipercantikkan lagi dengan melibatkan setiap unsur

masyarakat. Para ulama, pelajar, masyarakat, swasta dan kerajaan, perlu saling bahu membahu dalam meneruskan cita-cita mulia ini.

#### **5.4. Penutup**

Dalam menjalankan penelitian dan penulisan disertasi ini tentu ada kekurangan dan kesilapan yang berlaku. Itu merupakan sesuatu kelemahan yang wajar berlaku kepada manusia biasa. Sekiranya terdapat kesilapan yang sengaja mahupun tidak, kepada Allah penulis mohon ampun, dan kepada pembaca mohon kemaafan. Demikianlah penulisan kajian ini dibuat, mudah-mudahan dapat menjadi pelajaran berharga bagi penulis khususnya dan para peneliti yang akan datang amnya.

وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ ﴿٨٨﴾